



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
BAGI PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELAPAN YANG TELAH DIADAKAN
PADA 2 NOVEMBER 1992**

**MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN YANG AKAN
BERMULA PADA 2 NOVEMBER 1992 (HARI ISNIN)
JAM 9.30 PAGI BERTEMPAT DI
DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG**

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. DOA.
2. PENGUMUMAN OLEH Y.B. DATO' SPEAKER.
3. RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN NEGERI
PULAU PINANG (PINDAAN) 1992.
4. PENANGGUHAN.

**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGKAL
YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN
YANG TELAH DIADAKAN PADA 2 NOVEMBER 1992
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
LEBUH LIGHT, PULAU PINANG**

HARI ISNIN, 2 NOVEMBER 1992

HADIR:

- Yang Berhormat Dato' Speaker (Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, DMPN., DJN) - Ahli Kawasan Bertam
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Koh Tsu Koon) - Ahli Kawasan Tanjong Bungah
- Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dr. Ibrahim bin Saad) - Ahli Kawasan Seberang Jaya
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Ahmad Zaki bin Haji Husin, SMP)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Goh Cheng Teik)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, PJK)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, PKT. JP)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Kang Chin Seng)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ibrahim bin Yaakob, PJK)

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Dato' Haji Mohd. Zain bin Haji Omar, DSPN., PJK., PJM)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli, PJK)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, JP)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib @ Abdul Latiff, PKT, JP)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun, PJK, JP)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad, AMN., PJM.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan, PJK)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan, PJK., PJM)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar bin Ibrahim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik V. Muthusamy, AMN., PKT.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Peter Paul Dason)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Chian Heng Kai)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Encik Lim Hock Seng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Wong Hang Yoke)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Ong Hock Aun)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Cheah Teik Hoe)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Phee Boon Poh)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA.

2. PENGUMUMAN OLEH Y.B. DATO' SPEAKER.

Dato' Speaker memaklumkan bahawa mesyuarat ini telah dipanggil melalui satu perisytiharan yang dikeluarkan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bertarikh 22 November 1992 dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah mengecualikan kehendak pemberitahu yang bertulis selama dua puluh satu hari.

Dato' Speaker menarik perhatian Ahli-ahli Dewan kepada kerja-kerja pengubahsuaian bangunan yang telah dan sedang dijalankan dan memohon maaf ke atas sebarang kekurangan/kesulitan yang timbul.

USUL DI BAWAH PERATURAN 30(1)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Chian Heng Kai) memohon izin Dato' Speaker untuk mencadangkan penangguhan mesyuarat untuk membincang perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Usul berbunyi:

"Bahawa Dewan yang mulia ini bersimpati kepada semua mangsa yang mengalami banjir baru-baru ini dan mengambil ketetapan bahawa:

(1) mengesali kecuaiannya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam penyelesaian masalah banjir yang sering berlaku di negeri kita ini.

(2) mengarah supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta maaf kepada mangsa-mangsa yang mengalami banjir yang berlaku baru-baru ini di

semua kawasan termasuk Taman Sri Rambai, Desa Damai, Taman Makok, Jalan Kebun Sireh, Taman Pinang, Taman Sentul, Taman Manggah dan Perkampungan Juru di Bukit Mertajam.

(3) mengarah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon kepada Jawatan-kuasa Tabung Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang supaya setiap isi rumah yang mengalami kerugian akibat daripada air bah masuk ke dalam rumah diberi bantuan sebanyak lima ratus ringgit dengan segera."

Dato' Speaker memutuskan untuk tidak membenarkan permohonan tersebut kerana walaupun perkara itu penting ianya tidak perlu disegerakan memandangkan kerja-kerja telahpun dilaksanakan untuk mengatasi masalah.

USUL DI BAWAH PERATURAN 118

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Goh Cheng Teik) memohon kebenaran Dato' Speaker untuk mencadangkan usul di bawah Peraturan 118. Permohonan dibenarkan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap dengan disokong oleh Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar) mencadangkan usul di bawah Peraturan 118 bagi menggantung

Peraturan 15, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat dengan tujuan supaya Dewan hanya membincangkan Rang Undang-undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 1992.

Masalah dikemukakan kepada Dewan dan dipersetujui.



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 1992.

Y.A.B. Ketua Menteri (Dr. Koh Tsu Koon) dengan disokong oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Saad) mencadangkan Rang Undang-undang bernama

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan), 1992."

dibaca bagi kali yang pertama.

Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri memohon kebenaran Dato' Speaker untuk mencadangkan penggantungan Peraturan 59 di bawah Peraturan 118, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang di bawa dalam semua peringkatnya di dalam Mesyuarat. Kebenaran diberi.

Y.A.B. Ketua Menteri dengan disokong oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya mencadangkan penggantungan Peraturan 59 untuk sementara.

Masalah dikemukakan kepada Dewan dan dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan dengan disokong oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua.

(Rang Undang-undang dibuka untuk perbahasan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.
Dewan bersidang semula pada jam 11.30 pagi

Ahli Kawasan Padang Kota meneruskan ucapannya.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 petang.
Dewan bersidang semula pada jam 2.15 petang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya memohon izin Dato' Speaker di bawah Peraturan 46(xi) untuk mencadangkan supaya masalah diputuskan.

Dato' Speaker memutuskan supaya perbahasan boleh diteruskan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Dato' Haji Mohd. Zain bin Haji Omar) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Kang Chin Seng) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya berucap kepada Dewan.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Masalah dikemukakan kepada Dewan. Selaras dengan kehendak Perkara 35(3) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Speaker minta Setiausaha menjalankan pembahagian undi.

Keputusan Undi:

Ahli-ahli Yang Bersetuju:

Y.A.B. Ketua Menteri
Y.B. Dr. Ibrahim Saad
Y.B. Dr. Goh Cheng Teik
Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Bakar
Y.B. Puan Kee Phaik Cheen
Y.B. Encik Yahaya bin Abdul Hamid
Y.B. Dr. Kang Chin Seng
Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Yaakob
Y.B. Dr. Hilmi bin Haji Yahaya
Y.B. Dato' Haji Mohd. Zain bin Haji Omar
Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli
Y.B. Encik Goik Hock Lai
Y.B. Tuan Haji Mohammed Yussof b. Abdul
Latib @ Abdul Latiff
Y.B. Encik Lim Chien Aun
Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saad
Y.B. Dr. Teng Hock Nan
Y.B. Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan
Y.B. Encik Azhar bin Ibrahim
Y.B. Encik V. Muthusamy

Jumlah - 19

Ahli-ahli Yang Tidak Bersetuju:

Y.B. Encik Lim Kit Siang
Y.B. Encik Teoh Teik Huat
Y.B. Encik Peter Paul Dason
Y.B. Encik Chian Heng Kai
Y.B. Encik Tan Loo Jit
Y.B. Encik Lim Hock Seng
Y.B. Encik Chin Kooi Thoon
Y.B. Encik Chow Kon Yeow
Y.B. Encik Wong Hang Yoke
Y.B. Encik K. Balasundaram
Y.B. Encik Ong Hock Aun
Y.B. Encik Cheah Teik Hoe
Y.B. Encik Phee Boon Poh


Jumlah - 13

Memandangkan Rang Undang-undang tidak mendapat undi dua pertiga daripada jumlah ahli Dewan Negeri, Rang Undang-undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 1992 ditolak.

PENANGGUHAN.

Y.A.B. Ketua Menteri dengan disokong oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya mencadangkan supaya Dewan ditangguh.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.57 petang.



(DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS)
Speaker,
Dewan Undangan Negeri,
Pulau Pinang.